

PEMETAAN SUNGAI BERSKALA BESAR MENGGUNAKAN
FOTOGRAMETRI JARAK DEKAT DAN SISTEM PESAWAT UDARA
TANPA PEMANDU

MOHD HAFIS BIN MOHD ROOM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PEMETAAN SUNGAI BERSKALA BESAR MENGGUNAKAN
FOTOGRAMETRI JARAK DEKAT
DAN SISTEM PESAWAT UDARA TANPA PEMANDU

MOHD HAFIS BIN MOHD ROOM

Tesis ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Sains (Geoinformatik)

Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2015

DEDIKASI

Segala puji bagi Allah S.W.T. Ribuan terima kasih diucapkan kepada papa dan mama yang telah memberi sokongan tidak berbelah bagi. Tidak lupa kepada rakan-rakan seperjuangan sekalian. Terima kasih diucapkan.

PENGHARGAAN

Dikeempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia projek ini, Prof Madya Dr. Anuar bin Ahmad yang telah memberi tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat yang berguna kepada saya dalam menyiapkan projek ini.

Tidak lupa juga buat teman-teman seperjuangan dan keluarga yang turut membantu memberi semangat dan bimbingan kepada saya untuk menyiapkan karya yang amat berharga ini.

ABSTRAK

Teknologi sistem pesawat tanpa pemandu (UAV) semakin berkembang pesat akhir-akhir ini. Secara tidak langsung, ia telah mengembangkan penggunaan sistem UAV kepada pelbagai jenis bidang khususnya bidang fotogrametri jarak dekat dan aplikasi pemetaan. Penggunaan sistem ini boleh dijadikan sebagai alternatif kepada aplikasi pemetaan skala besar kerana mempunyai banyak kelebihan dari segi kos, masa dan kekangan cuaca. Namun, ketepatan data UAV yang digunakan dalam aplikasi pemetaan masih menjadi persoalan disebabkan ianya kurang diterokai. Oleh itu, matlamat utama kajian ini adalah untuk menilai ketepatan kaedah fotogrametri jarak dekat dan sistem UAV dalam pemetaan sungai berskala besar. Dalam kajian ini, foto udara model sungai dan Sungai Danga di Johor Bahru diperolehi dengan menggunakan kamera digital yang dipasang pada UAV. Foto udara model sungai diperolehi daripada ketinggian 3 meter dan foto udara Sungai Danga diperolehi daripada ketinggian 300 meter. Kedua-dua foto udara tersebut diproses dengan menggunakan perisian *Agisoft Photoscan Profesional* bagi menghasilkan produk fotogrametri seperti mozek ortofoto, model ketinggian digital (DEM) dan garisan kontur. Setiap hasil dinilai untuk penentuan ketepatan dengan menggunakan persamaan Ralat Min Punca Kuasa Dua (RMSE). Nilai RMSE X dan RMSE Y bagi kajian kes pemetaan model sungai masing-masing adalah $X = \pm 0.008$ meter dan $Y = \pm 0.035$ meter. Manakala, nilai RMSE planimetri adalah $XY = \pm 0.036$ meter. Nilai RMSE ketinggian bagi pemetaan model sungai pula adalah $Z = \pm 0.322$ meter. Untuk kajian kes pemetaan Sungai Danga, nilai RMSE X dan RMSE Y yang diperolehi masing-masing adalah $X = \pm 0.048$ meter dan $Y = \pm 0.065$ meter. RMSE planimetri adalah $XY = \pm 0.080$ meter dan nilai RMSE ketinggian adalah $Z = \pm 0.677$ meter. Berdasarkan kepada nilai RMSE yang diperolehi bagi kedua-dua kajian, didapati bahawa mozek ortofoto yang dihasilkan adalah tepat kerana RMSE planimetri adalah kurang daripada satu (1) meter. DEM dan garisan kontur bagi kedua-dua kajian kes juga adalah tepat kerana RMSE yang diperolehi adalah kecil iaitu kurang daripada satu (1) meter. Kesimpulannya, kaedah fotogrametri jarak dekat dan sistem UAV boleh digunakan dalam aplikasi pemetaan sungai berskala besar.

ABSTRACT

Recently the technology of unmanned aerial vehicle (UAV) system has developed rapidly. Indirectly, it has increased the application of UAV for various applications especially in the field of close range photogrammetry and mapping application. This method can be used as an alternative to large scale mapping application because it has many advantages in term of cost, time and weather constraint. However, the accuracy of UAV data in the field of mapping is questionable due to it less ventured. Therefore the aim of this study is to evaluate the accuracy of close range photogrammetric method and UAV system in mapping river at large scale. In this study, the aerial photographs of river model and Danga River in Johor Bahru are acquired using digital camera attached to the UAV. The aerial photo for mapping of river model is acquired at the height of three (3) metre and the aerial photo of Danga River is acquired at the height of 300 metre. The acquired aerial photographs were processed using Agisoft Photoscan Profesional software to produce photogrammetric products such as orthomosaic, digital elevation model (DEM) and contour line. Every product is evaluated for accuracy assessment using Root Mean Squared Error (RMSE) equation. RMSE X and RMSE Y values for case study of mapping river model are $X = \pm 0.008$ metre and $Y = \pm 0.035$ metre respectively. Meanwhile, planimetric RMSE value is $XY = \pm 0.036$ metre. The RMSE value of height for mapping river model is $Z = \pm 0.322$ metre. For case study of mapping Danga River, the RMSE X and RMSE Y values obtained are $X = \pm 0.048$ metre dan $Y = \pm 0.065$ metre respectively. The planimetri value is $XY = \pm 0.080$ metre dan the height RMSE value is $Z = \pm 0.677$ meter. Based on the RMSE values obtained for both case study, the orthomosaic produced is accurate because the RMSE value is less than one (1) meter. DEM and contour line for both case studies are also accurate because the RMSE value is small which less than one (1) meter is. As conclusion, close range photogrammetric method and UAV system can be used for mapping large scale river.

KANDUNGAN

| BAB | PERKARA | HALAMAN |
|------------------|--------------------------------|----------------|
| | PENGESAHAN STATUS TESIS | |
| | PENGESAHAN PENYELIA | |
| | JUDUL | i |
| | PENGAKUAN | ii |
| | DEDIKASI | iii |
| | PENGHARGAAN | iv |
| | ABSTRAK | v |
| | ABSTRACT | vi |
| | KANDUNGAN | vii |
| | SENARAI JADUAL | xi |
| | SENARAI RAJAH | xii |
| | SENARAI LAMPIRAN | xiv |
| | SENARAI SINGKATAN | xv |
| BAB 1 | Pengenalan | |
| | 1.1 Latar Belakang Kajian | 1 |
| | 1.2 Penyataan Masalah | 3 |
| | 1.3 Tujuan Kajian | 4 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 5 |
| | 1.5 Skop Kajian | 5 |

| | | |
|-----|--------------------|----|
| 1.6 | Kepentingan Kajian | 7 |
| 1.7 | Metodologi Kajian | 8 |
| 1.8 | Struktur Tesis | 10 |

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

| | | |
|------|---|----|
| 2.1 | Pendahuluan | 12 |
| 2.2 | Sungai | 12 |
| 2.3 | Pemetaan Sungai | 15 |
| 2.4 | Pengenalan Fotogrametri | 17 |
| 2.5 | Cabang Fotogrametri | 19 |
| | 2.5.1 Fotogrametri Bumi | 19 |
| | 2.5.2 Fotogrametri Jarak Dekat | 20 |
| | 2.5.3 Fotogrametri Udara | 22 |
| 2.6 | Fotogrametri Digital | 25 |
| 2.7 | Kamera Fotogrametri | 27 |
| | 2.7.1 Kamera Digital | 29 |
| 2.8 | Produk Fotogrametri | 31 |
| | 2.8.1 Mozek Udara | 31 |
| | 2.8.1.1 Klasifikasi Mozek Udara | 32 |
| | 2.8.2 Model Ketinggian Digital (DEM) | 33 |
| | 2.8.3 Ortofoto | 34 |
| 2.9 | Pesawat Udara Tanpa Pemandu (UAV) | 34 |
| | 2.9.1 Sejarah UAV | 36 |
| 2.10 | UAV dalam Ketenteraan | 37 |
| 2.11 | Jenis UAV | 40 |
| | 2.11.1 Pengkelasan mengikut Berat | 40 |
| | 2.11.2 Pengkelasan mengikut Jenis Enjin | 42 |
| | 2.11.3 Pengkelasan mengikut Ketahanan dan Jarak | 43 |
| | 2.11.4 Pengkelasan mengikut Ketinggian | 44 |
| 2.12 | Kelebihan UAV | 45 |
| 2.13 | Kelemahan UAV | 47 |
| 2.14 | UAV dalam Bidang Pemetaan | 48 |
| 2.15 | Ketepatan Foto Udara UAV | 50 |

| | | |
|------|-----------------------|----|
| 2.16 | Aplikasi-Aplikasi UAV | 53 |
| 2.17 | Rumusan | 53 |

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-------|---|----|
| 3.1 | Pendahuluan | 55 |
| 3.2 | Fasa Pertama | 56 |
| 3.3 | Fasa Kedua | 58 |
| 3.3.1 | Kawasan Kajian | 58 |
| 3.3.2 | Penyediaan Bahan dan Peralatan | 60 |
| 3.3.3 | Perolehan Data Kajian | 65 |
| 3.4 | Fasa Ketiga | 69 |
| 3.4.1 | Kalibrasi Kamera | 70 |
| 3.4.2 | Data GPS | 71 |
| 3.5 | Fasa Keempat | 71 |
| 3.5.1 | Pemprosesan Foto Udara Digital dengan Perisian PTGui | 73 |
| 3.5.2 | Pemprosesan Foto Udara Digital dengan Perisian Agisoft Photoscan | 73 |
| 3.5.3 | Pendigitan Mozek Ortofoto | 74 |
| 3.6 | Fasa Kelima | 75 |
| 3.7 | Rumusan | 76 |

BAB 4 HASIL DAN ANALISIS

| | | |
|------|---|----|
| 4.1 | Pendahuluan | 77 |
| 4.2 | Hasil Akhir Kajian | 77 |
| 4.3 | Mozek Ortofoto Digital Model Sungai | 78 |
| 4.4 | Model Ketinggian Digital (DEM) Model Sungai | 79 |
| 4.5 | Garisan Kontur | 80 |
| 4.6 | Analisis Ketepatan Kajian Kes Pertama | 81 |
| 4.7 | Mozek Ortofoto Digital Sungai Danga | 85 |
| 4.8 | Model Ketinggian Digital (DEM) Sungai Danga | 88 |
| 4.9 | Garisan Kontur Kawasan Sungai Danga | 90 |
| 4.10 | Peta Digital Kawasan Sungai Danga | 92 |

| | | |
|--------------|---|-----|
| 4.11 | Analisis Ketepatan bagi Kajian Kes Kedua | 94 |
| 4.11.1 | Perbandingan Koordinat antara Koordinat UAV dan Koordinat GPS | 94 |
| 4.11.2 | Perbandingan Pendigitan Mozek Ortofoto Digital dan Pendigitan RTK | 97 |
| 4.12 | Rumusan | 99 |
| BAB 5 | KESIMPULAN DAN CADANGAN | |
| 5.1 | Pendahuluan | 100 |
| 5.2 | Kesimpulan | 100 |
| 5.3 | Cadangan | 102 |
| | RUJUKAN | 103 |
| | LAMPIRAN | 113 |

SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | TAJUK | HALAMAN |
|------------|--|---------|
| 2.1 | Perbezaan antara kamera metrik dan kamera bukan metrik/semi metrik | 28 |
| 2.2 | Pengkelasan UAV mengikut berat | 42 |
| 2.3 | Ringkasan bagi ketiga-tiga kelas tersebut | 44 |
| 2.4 | Kelas UAV mengikut ketinggian maksimum | 44 |
| 3.1 | Senarai peralatan dan bahan yang digunakan | 60 |
| 3.2 | Spesifikasi UAV Hexakopter | 62 |
| 3.3 | Spesifikasi UAV Helang | 62 |
| 3.4 | Spesifikasi kamera digital yang digunakan dalam kajian ini | 64 |
| 3.5 | Perisian-perisian yang digunapakai dalam kajian ini | 72 |
| 4.1 | Perbandingan pengukuran pada mozek ortofoto dan pengukuran di lapangan | 81 |
| 4.2 | Perbezaan koordinat planimetri antara koordinat UAV dan koordinat <i>Total Station</i> | 82 |
| 4.3 | Perbezaan koordinat ketinggian antara koordinat UAV dan koordinat Topcon Total Station | 82 |
| 4.4 | Nilai RMSE bagi Pembetulan Transformasi Geometri | 86 |
| 4.5 | Perbezaan koordinat ketinggian antara koordinat UAV dan koordinat GPS | 94 |
| 4.6 | Perbezaan koordinat planimetri antara koordinat UAV dan koordinat GPS | 95 |

SENARAI RAJAH

| NO. RAJAH. | TAJUK | HALAMAN |
|------------|--|---------|
| 1.1 | Carta alir metodologi kajian | 9 |
| 2.1 | Zon profil tiga longitudinal bagi sistem sungai | 13 |
| 2.2 | Keratan rentas saluran sungai | 13 |
| 2.3 | Corak saluran bagi lurus, jalinan dan berliku-liku bagi ekologi sungai | 14 |
| 2.4 | Konsep asas fotogrametri jarak dekat | 20 |
| 2.5 | Konsep foto udara tegak | 22 |
| 2.6 | Konsep foto udara senget | 23 |
| 2.7 | Konsep foto udara oblik | 24 |
| 2.8 | Perkembangan teknologi fotogrametri | 25 |
| 2.9 | Mozek terkawal bagi kawasan UTM 2012 | 32 |
| 2.10 | DEM di kawasan hakisan tanah di Alps, Selatan Perancis | 33 |
| 2.11 | <i>The Montgolfier brothers' balloon</i> | 37 |
| 2.12 (a) | <i>Kettering Bug</i> | 38 |
| 2.12 (b) | <i>Fiesler FI 103 V1</i> | 38 |
| 2.13 | Global Hawk | 38 |
| 2.14 | Kelas berat melebihi 200 kg | 41 |
| 2.15 | Kategori Berat antara 200 kg sehingga 2000 kg | 41 |
| 2.16 (a) | UAV <i>Raven</i> (sederhana berat) | 42 |
| 2.16 (b) | UAV <i>AS-12</i> (ringan) | 42 |
| 2.16 (c) | UAV <i>Dragon Eyes</i> (mikro) | 42 |
| 3.1 | Carta alir bagi metodologi kajian setiap fasa | 57 |
| 3.2 | Model Sungai bagi kajian kes pertama | 59 |

| | | |
|------|---|----|
| 3.3 | Kawasan Sungai Danga, Johor Bharu | 59 |
| 3.4 | Contoh beberapa foto udara model sungai | 65 |
| 3.5 | Contoh foto udara di kawasan Sungai Danga | 66 |
| 3.6 | Titik kawalan bumi bagi model Sungai | 67 |
| 3.7 | Lokasi titik kawalan di Kawasan Sungai Danga | 68 |
| 3.8 | Plat kalibrasi yang digunakan bagi proses kalibrasi kamera | 70 |
| 4.1 | Mozek Ortofoto Digital Model Sungai | 78 |
| 4.2 | Model Ketinggian Digital Model Sungai | 79 |
| 4.3 | Garis kontur bagi model sungai | 80 |
| 4.4 | Pengukuran panjang dan lebar pada model sungai | 84 |
| 4.5 | Mozek Ortofoto Digital Sungai Danga | 87 |
| 4.6 | Model Ketinggian digital (DEM) Sungai Danga | 89 |
| 4.7 | Garis kontur bagi Sungai Danga | 91 |
| 4.8 | Peta Digital Kawasan Sungai Danga | 93 |
| 4.9 | Lokasi cerapan kaedah RTK di Sungai Danga | 98 |
| 4.10 | Perbandingan Garisan Sungai dengan Garisan Sungai RTK | 98 |

SENARAI LAMPIRAN

| LAMPIRAN | TAJUK | HALAMAN |
|-----------------|--|----------------|
| A | Lokasi Titik Kawalan di Kawasan Sungai Danga | 113 |
| B | Atur cara pemprosesan data UAV menggunakan perisian <i>Agisoft Photoscan Profesional Version 9.1</i> | 118 |

SENARAI SINGKATAN

| Singkatan | Nama |
|------------------|--------------------------------------|
| GPS | <i>Global Positioning System</i> |
| JPS | Jabatan Pengaliran dan Saliran |
| LIDAR | <i>Light Detection And Ranging</i> |
| RMSE | <i>Root Mean Square Error</i> |
| RTK | <i>Real Time Kinematic</i> |
| UAV | <i>Unmanned Aerial Vehicle (UAV)</i> |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Fotogrametri jarak dekat adalah sebahagian daripada cabang dalam bidang fotogrametri bumi (Samad *et al.*, 2010) dan mempunyai takrifan yang sama dengan fotogrametri bumi sebagai mana yang dinyatakan oleh (Matthews dan Noble, 2008). Menurut beliau, penggunaan pelantar seperti pesawat udara tanpa pemandu (UAV) bagi mendapatkan foto udara sesuatu kawasan pada ketinggian kurang daripada 300 meter diklasifikasikan sebagai fotogrametri jarak dekat. Fotogrametri bumi didefinisikan sebagai pengumpulan foto udara yang diambil kurang daripada jarak 300 meter dari kamera ke objek (Wolf and Dewitt, 2000). Konsep fotogrametri jarak dekat adalah sama seperti fotogrametri udara iaitu menggunakan kamera untuk mendapatkan data. Data yang dimaksudkan adalah foto udara yang diproses dengan menggunakan perisian fotogrametri bagi mendapatkan produk-produk fotogrametri seperti mozek ortofoto, model ketinggian digital (DEM), peta digital, garisan kontur dan lain-lain.

Pada masa kini, keperluan penggunaan teknik fotogrametri bagi aplikasi pemetaan telah meningkat disebabkan oleh pengenalan sistem pesawat udara tanpa pemandu (UAV) kepada penggunaan awam yang sebelum ini banyak digunakan dalam misi ketenteraan (Tahar and Ahmad, 2012). Kepesatan pembangunan reka bentuk, penyelidikan dan penghasilan berbagai-bagai jenis UAV telah memberi kelebihan kepada bidang fotogrametri (Breckenridge and Dakins, 2011; Chao *et al.*, 2010). Gabungan bidang fotogrametri dan sistem UAV ini menyebabkan gabungan

kedua-dua kaedah ini mempunyai kelebihan berbanding dengan kaedah konvensional iaitu pesawat berpemandu. Penggunaan UAV bagi mendapatkan foto udara pada altitud rendah dan menggunakan kamera digital berformat kecil bagi kawasan berkeluasan sederhana adalah sangat praktikal dan sesuai kerana objek-objek yang tidak dapat dilihat dengan jelas pada foto udara konvensional atau imej satelit, ianya dapat dilihat dengan jelas pada foto udara UAV. Selain daripada itu, kebanyakan UAV diterbangkan pada ketinggian rendah iaitu di bawah litupan awan. Oleh itu, isu atau masalah litupan awan pada foto udara UAV tidak wujud. Masalah litupan awan ini berlaku pada foto udara konvensional dan imej satelit. Litupan awan ini menyebabkan objek-objek tertentu tidak dapat dilihat pada foto yang diambil. Faktor lain yang mendorong kepada perkembangan UAV dalam bidang pemetaan ini adalah kos yang menjimatkan dan lebih ekonomi (Tahar dan Ahmad, 2012). Di samping itu, ketepatan produk pemetaan yang diperolehi daripada menggunakan sistem UAV juga adalah baik iaitu mampu mencapai ketepatan planimetri dan ketinggian sehingga sentimeter (d'Oleire-Oltmanns *et al.*, 2012; Zongjian, 2008). Pembangunan dan penghasilan perisian-perisian khusus bagi memproses foto atau data UAV yang lebih efektif, pantas dan ekonomi merupakan salah satu faktor menyumbang kepada penggunaan sistem UAV dalam bidang pemetaan. Antara contoh-contoh perisian UAV yang berada di pasaran pada masa kini seperti *Agisoft Photoscan Profesional*, *Pix4D*, *EnsoMosaic*, *MAVinci*, *Menci* dan banyak lagi. Perisian-perisian ini dapat menghasilkan produk-produk fotogrametri dengan pantas walaupun melibatkan pemrosesan data yang banyak berbanding perisian fotogrametri konvensional seperti *ERDAS Imagine*, *DVP*, *PCI*, *Photomod* dan sebagainya.

Salah satu aplikasi yang boleh dikaji dengan menggunakan sistem UAV ini adalah pemetaan sungai. Ini kerana pemetaan sungai menggunakan kaedah fotogrametri dan sistem UAV adalah suatu pendekatan yang baru khususnya di Malaysia (Udin and Ahmad, 2012). Pemetaan sungai melibatkan kajian mengenai geomorfologi sungai, daratan banjir, hakisan tanah dan mendapan. Menurut Bird *et al.* (2010), integrasi sistem UAV dan fotogrametri digital adalah sesuai bagi pemodelan dan pemantauan dasar sungai dengan resolusi ruang antara 0.01 m hingga 1 m serta boleh menghasilkan DEM dengan ketepatan sehingga sentimeter. Di samping itu, foto udara UAV boleh menghasilkan data beresolusi tinggi berbanding foto udara konvensional dan imej satelit. Kriteria ini adalah sangat penting dalam

pemetaan sungai kerana bentuk geomorfologi sungai dapat dilihat dengan jelas dalam foto (Butler *et al.*, 1998).

Oleh itu, kajian ini memberi penekanan terhadap pemetaan sungai berskala besar bagi sungai berliku dengan menggunakan kaedah fotogrametri jarak dekat dan sistem UAV. Kajian pemetaan sungai ini dibahagikan kepada dua kajian kes. Kajian kes pertama melibatkan pemetaan model sungai berliku manakala kajian kes kedua melibatkan pemetaan sungai sebenar iaitu Sungai Danga dalam Daerah Johor Bahru, Johor.

1.2 Penyataan Masalah

Terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunapakai dalam melaksanakan aplikasi pemetaan sungai. Antara kaedah tersebut seperti remote sensing, teknologi *Light Detection and Ranging* (LIDAR), ukur hidrografi dan sebagainya. Feurer *et al.* (2008) telah menggunakan kaedah remote sensing dan data LIDAR dalam pemetaan kawasan sungai di Amerika Syarikat. Walaubagaimanapun, penggunaan kaedah fotogrametri jarak dekat untuk aplikasi pemetaan sungai tidak begitu meluas terutama di Malaysia. Namun begitu, di negara-negara luar, penggunaan kaedah ini dalam aplikasi pemetaan kawasan sungai telah diterokai lebih awal sebagaimana yang dilakukan oleh Chandler (1999) yang mempraktikkan kaedah fotogrametri jarak dekat dalam pemetaan sungai dan model sungai. Dalam kajian tersebut, penyelidik berkenaan telah menggunakan kamera digital bagi menjana model rupabumi digital (DEM) bagi model sungai dan sungai sebenar bagi menunjukkan permukaan pasir kering dan batu kerikil bagi lantai sungai. Hasil daripada kajian tersebut, didapati bahawa penggunaan kamera digital dan kaedah fotogrametri jarak dekat berjaya memberikan ketepatan yang baik.

Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan terhadap penggunaan kaedah fotogrametri jarak dekat dalam pemetaan kawasan sungai di Malaysia. Di samping itu juga, kajian ini akan menerokai penggunaan kamera digital dan penggunaan UAV sebagai pelantar bagi tujuan ini. Penggunaan kedua-dua aspek ini untuk pemetaan

sungai masih lagi kurang dilakukan di Malaysia. Berdasarkan kepada kajian literatur yang telah dilaksanakan, antara persoalan utama dalam penggunaan kamera bukan metrik dalam aplikasi pemetaan adalah ketepatan planimetri dan ketinggian yang diperolehi. Ini kerana tujuan asal pengeluaran kamera bukan metrik adalah bukan untuk tujuan fotogrametri atau pemetaan. Disamping itu, penggunaan UAV sebagai pelantar dalam pengambilan foto udara bagi kawasan kajian juga menjadi suatu persoalan utama. Antara persoalannya adalah ketepatan foto udara yang diambil kerana terdapat faktor-faktor yang mempengaruhi data UAV semasa penggambaran dilakukan, ketinggian penerbangan UAV, resolusi kamera digital dan sebagainya. Ini secara tidak langsung akan menyebabkan foto udara tersebut mengalami masalah dan sekaligus mempengaruhi ketepatan planimetri dan ketinggian hasil akhir kajian.

Selain daripada itu, perisian yang digunakan bagi menghasilkan produk-produk fotogrametri juga perlu dibincangkan. Kebanyakan perisian fotogrametri konvensional dibangunkan untuk memproses foto udara konvensional dan khusus untuk pemetaan. Perisian fotogrametri konvensional selalunya melibatkan pemrosesan data yang banyak dan mengambil masa yang lama untuk menghasilkan produk akhir. Pada masa kini, terdapat perisian yang dibangunkan bagi memproses data UAV. Kebiasaannya, pemrosesan data UAV melibatkan bilangan data yang banyak tetapi dapat menghasilkan produk akhir dengan pantas. Namun begitu, perisian ini adakah sesuai digunakan dalam bidang pemetaan yang memerlukan ketepatan planimetri dan ketinggian yang tinggi kerana penggunaan sistem UAV untuk aplikasi pemetaan adalah masih baru. Oleh itu, kajian berkaitan pemetaan sungai berskala besar menggunakan kaedah fotogrametri jarak dekat dan sistem UAV merungkai masalah yang dibincangkan.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk menilai keupayaan kaedah fotogrametri jarak dekat dan sistem UAV dalam pemetaan sungai.

1.4 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif kajian yang telah ditentukan. Objektif-objektif kajian ini adalah seperti berikut : -

- i. Untuk menyiasat keupayaan UAV bagi pemetaan sungai pada skala besar.
- ii. Untuk menghasilkan mozek ortofoto, DEM dan kontur bagi pemetaan model sungai dan pemetaan sungai sebenar.
- iii. Untuk mengenalpasti ketepatan planimetri dan ketinggian daripada hasil pemetaan model sungai dan sungai sebenar dengan menggunakan kaedah fotogrametri jarak dekat dan sistem UAV.

1.5 Skop Kajian

Skop perlu ditentukan bagi sesebuah kajian bagi memastikan matlamat kajian dapat dipenuhi. Skop kajian yang telah ditentukan merangkumi beberapa aspek seperti kajian kes, kawasan kajian, peralatan, perisian dan data.

Dalam kajian ini, terdapat dua kajian kes yang dilaksanakan. Kajian kes yang pertama melibatkan pemetaan model sungai berliku-liku. Model sungai ini berukuran 5 meter panjang, 1.20 meter lebar dan 0.15 meter kedalaman alur sungai. Model sungai ini diperbuat daripada bahan polistren berwarna putih dan di tempah khas daripada Jabatan Hidrologi di Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Model ini ditempatkan di kawasan lapang bersebelahan dengan Blok T06, Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah (FGHT), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Foto udara model sungai tersebut diambil dengan menggunakan kamera digital *Canon Powershot XS230 HS* 12 Megapiksel yang telah dipasang pada UAV mikro jenis putar iaitu UAV Hexakopter. Kajian kes kedua pula, melibatkan pemetaan sungai sebenar yang panjang iaitu Sungai Danga yang terletak di daerah Johor Bahru. Sungai Danga dipilih sebagai kawasan kajian bagi kajian kes

kedua ini kerana bentuk geomorfologi sungai tersebut adalah berliku-liku. Salah satu objektif kajian ini adalah untuk mengkaji keupayaan kaedah fotogrametri dalam pemetaan sungai yang berbentuk berliku-liku. Panjang Sungai Danga yang terlibat dalam kajian kes kedua ini adalah lebih kurang dua (2) kilometer. Jenis UAV yang digunakan untuk mengambil foto udara Sungai Danga adalah UAV jenis sayap yang dikenali sebagai UAV Helang. Kamera digital *Canon Powershot XS230 HS* 12 Megapiksel digunakan bagi mengambil foto udara Sungai Danga.

Dalam kajian ini juga, beberapa peralatan seperti alat kawalan jauh, mini komputer, peralatan ukur dan peralatan *Global Positioning System* (GPS) turut digunakan. Alat kawalan jauh model Futaba 12 Frekuensi digunakan semasa proses penggambaran foto udara bagi kedua-dua kajian kes. Alat kawalan jauh ini berfungsi dalam mengendalikan UAV semasa sesi perlepasan dan pendaratan. Manakala, mini komputer ASUS pula digunakan bagi memantau keadaan dan kedudukan UAV di udara dalam mod automatik. Titik kawalan bagi kajian kes pertama ditubuhkan dengan menggunakan *Topcon Total Station*. Titik kawalan bagi kajian kes kedua pula ditubuhkan dengan menggunakan peralatan GPS iaitu *Topcon Hyper Profesional* dan *Topcon Hyper Ga*. *Topcon Hyper Profesional* digunakan sebagai stesen rujukan manakala *Topcon Hyper Ga* digunakan stesen bergerak. Perbincangan lanjut mengenai setiap peralatan yang digunakan dalam kajian ini ditunjukkan pada Jadual 3.1 dalam Seksyen 3.3.2.

Beberapa perisian digunakan dalam kajian ini. Antara perisian tersebut seperti *Agisoft Photoscan Profesional*, *ArcGIS 10*, *Civil Design and Survey (CDS)*, *Trimble Geomatica Office (TGO) 1.5*, dan *Australis Photometric*. *Agisoft Photoscan Profesional* ialah perisian memproses foto udara UAV. Perisian ini digunakan untuk memproses foto udara bagi kedua-dua kajian kes. *ArcGIS 10* digunakan bagi menghasilkan peta digital. *Civil Design and Survey (CDS)* pula digunakan bagi pemprosesan titik kawalan bagi kajian kes model sungai yang ditubuhkan dengan menggunakan *Topcon Total Station*. *Trimble Geomatica Office (TGO) 1.5* pula digunakan bagi pemprosesan titik kawalan bagi kajian kes sungai sebenar. Perisian terakhir iaitu *Australis Photometric* digunakan bagi menjalankan proses kalibrasi terhadap kamera digital *Canon Powershot XS230 HS* yang digunakan bagi

mendapatkan foto udara UAV. Maklumat lanjut mengenai perisian-perisian ini juga diterangkan dalam Jadual 3.5 dalam Seksyen 3.5.

Data yang digunakan bagi kedua-dua kajian kes adalah foto udara UAV bagi model sungai dan Sungai Danga. Foto udara UAV diambil dengan menggunakan kamera digital yang dipasang pada UAV Hexakopter dan UAV Helang pada ketinggian penerbangan yang telah ditetapkan. Foto udara ini adalah dalam format digital dan disimpan dalam format imej Tiff serta mempunyai dimensi imej 3000 x 4000 piksel. Kemudian, imej-imej tersebut perlu melalui proses pemprosesan data bagi menghasilkan produk-produk fotogrametri seperti mozek ortofoto, model rupabumi digital (DEM), garisan kontur dan peta digital. Selain daripada foto udara, data lain yang digunakan dalam kajian ini adalah data titik kawalan bumi dan titik semakan. Kedua-dua data tersebut ditubuhkan di lapangan dengan menggunakan kaedah GPS. Fungsi data tersebut adalah untuk digunakan untuk pemprosesan dan analisis ketepatan yang melibatkan penggunaan formula matematik yang akan diperjelaskan dengan lebih terperinci dalam Bab 3.

1.6 Kepentingan Kajian

Secara amnya, kajian ini adalah berkaitan dengan aplikasi pemetaan sungai. Pemetaan sungai adalah sangat penting kerana daripada aplikasi ini, kajian-kajian seperti geomorfologi sungai, hakisan tanah, mendapan dan banjir dapat dikaji. Kajian-kajian tersebut perlu dilakukan bagi memastikan sifat semulajadi sungai berada dalam keadaan yang stabil dan baik bagi mengelak terjadi bencana alam sekali gus menggugat keselamatan manusia dan haiwan. Selain itu, kurang kesedaran terhadap kajian mengenai sungai boleh mengakibatkan ekonomi negara terjejas kerana boleh merosakkan harta benda awam..


Penggunaan kaedah fotogrametri jarak dekat dan sistem UAV untuk pemetaan sungai berskala besar dengan menggunakan kamera digital khususnya di Malaysia adalah masih lagi baru. Sebelum ini, pemetaan sungai banyak menggunakan kaedah fotogrametri konvensional dan imej satelit. Oleh itu, kajian ini

